



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19 SEPTEMBER 2023	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	PERHILITAN, PKGK			

Perhilitan tangkap, pindah gajah liar serang lembu milik pekebun

GUA MUSANG - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berjaya memindahkan seekor gajah dewasa jantan yang dipercayai mengganggu lebih 300 pekebun di Kampung Subong Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) Kesedar Sungai Terah, di sini pada Isnin.

Ketua Operasi Pemindahan Gajah Liar RPT Sungai Terah, Mohammad Abu Huzaifah Abu Samah berkata, operasi dilaksanakan selepas gajah yang dianggarkan seberat tiga tan daripada Kumpulan ID Nenggiri yang mempunyai populasi anggaran 20 ekor itu berjaya ditangkap pada Jumaat lepas.

Menurutnya, dua ekor gajah denak betina bernama Abot dan Rambai turut didatangkan dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Pahang untuk membantu proses pe-

mindahan berkenaan.

"Gajah jantan diberi nama Pak Muda Subong ditangkap tiga hari lepas dan dianggarkan berumur lingkungan 25 hingga 30 tahun. Haiwan itu dipercayai antara gajah yang terlibat dengan serangan lembu di Kampung Awek sebelum ini," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Subong, RPT Sungai Terah, di sini pada Isnin.

Tambah Mohammad Abu Huzaifah, hasil pemantauan kesihatan yang dilakukan mendapati gajah liar tersebut berada di dalam keadaan sihat dan stabil, justeru dilepaskan ke habitat asal di Sungai Deka, Hutan Simpan Tembat, Terengganu.

Sebelum ini, media melaporkan pekebun gempar apabila lembu ternakan milik seorang daripada mereka ditemukan mati dengan kesan luka dipercayai ditusuk gading gajah liar di Kampung Awek, Gua Musang pada 8 September lepas. - *Bernama*

SH190923_13